

25 JUN 2002

Mahathir-N/Presiden

NAIB PRESIDEN TERIMA PELETAKAN JAWATAN DR MAHATHIR, SOKONG ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Semua naib presiden Umno patuh kepada keputusan Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan dan pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya dalam kerajaan dan parti.

Kesemua mereka berikrar memberi sokongan penuh kepada Abdullah untuk menerajui pucuk pimpinan parti dan kerajaan selepas Oktober 2003.

Mesyuarat khas Majlis Tertinggi parti hari ini telah membincangkan hasrat Dr Mahathir untuk melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti yang akan berkuatkuasa selepas sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) pada Oktober tahun itu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan Dr Mahathir akan melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti pada Oktober 2003.

Pada sidang media selepas mesyuarat itu, Naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau menerima dan menghormati hasrat Dr Mahathir untuk melepaskan jawatan kerana Perdana Menteri telah memikirkan perkara itu dengan semasak-masaknya.

Najib berkata Dr Mahathir telah membuat keputusan itu atas kehendak beliau sendiri tanpa merasa tertekan oleh sesiapa dan tanpa rasa terguris hati atas apa-apa perkara sekalipun.

"Oleh kerana beliau telah membuat keputusan ini dengan hati yang ikhlas, saya secara peribadi menghormati keputusan beliau dan menyanjung tinggi apa sahaja yang telah beliau lakukan selama ini untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang amat berjaya.

"Saya juga menyanjung tinggi bahawa beliau akan melepaskan jawatan tetapi beliau telah memastikan pertamanya, ada peralihan kuasa yang tersusun dengan baik, keduanya beliau telah menghilangkan sebarang keraguan dengan menamakan pengganti beliau iaitu Abdullah Badawi sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti.

"Saya secara peribadi menyokong penuh Abdullah untuk mengambilalih jawatan dan akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Abdullah," katanya.

Najib berkata beliau bersama-sama naib-naib presiden dan semua ahli MT di semua peringkat akan menjayakan hasrat Dr Mahathir untuk memastikan parti dan negara terus berada dalam keadaan yang amat baik.

"Adalah menjadi hasrat saya secara peribadi untuk menentukan bahawa keadaan yang baik ini akan terus kekal dan negara kita dan parti kita akan terus berjaya dalam perjuangan kita," katanya.

Seorang lagi naib presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menyatakan sokongan penuh terhadap pelan peralihan kuasa yang diumumkan itu.

"Kita perlu akui sumbangan besar Dr Mahathir kepada negara dan parti dan menghormati pengorbanan tersebut. Kita juga harus menghormati hasrat dan pendirian beliau itu," katanya.

Beliau berkata peralihan kuasa yang disyorkan oleh Perdana Menteri memberi kelegaan bukan sahaja kepada Umno tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Pelan itu menjaga kepentingan negara dan tidak menggugat kesinambungan yang dikecapi selama ini. Saya memberi endorsement (sokongan) kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengambilalih pimpinan negara dan dengan ini segala keraguan akan hilang," katanya.

Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, seorang lagi naib presiden, berpendapat rakyat Malaysia telah kehilangan seorang pemimpin yang luar biasa atas permintaan beliau sendiri.

Beliau berkata pelan peralihan kuasa yang dicadangkan itu adalah jawapan tepat dalam situasi sebegini kerana kesinambungan pimpinan negara terjamin dan diketahui ramai.

"Ini akan mengakhiri semua spekulasi awal dan kita berjanji akan terus bekerja seperti biasa untuk menghadapi cabaran-cabaran baru," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein berkata Pemuda Umno akan menghormati dan akur dengan keputusan Dr Mahathir untuk meletakkan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan, tahun depan.

"Sokongan ini akan diteruskan dalam masa peralihan kuasa dan kita juga berjanji akan memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Abdullah Badawi sebagai penggantinya."

Rafidah berkata beliau bagi pihak dirinya dan Wanita Umno, akan memberi sokongan penuh kepada Dr Mahathir ketika beliau masih Perdana Menteri dan selepas itu kepada Abdullah apabila mengambilalih pucuk pimpinan parti dan kerajaan.

"Saya ingin menggesa supaya jangan ada mana-mana pihak di luar, dalam negeri atau luar negara, membuat apa juga spekulasi terhadap sebab musabab Dr Mahathir hendak meletakkan jawatan, cumanya jelas beliau hanya merasakan beliau suda terlalu lama (memegang jawatan), tapi kita minta dia tarik balik, beliau sudah tarik balik, tapi masih memberikan satu jangka masa.

Beliau juga berharap semua pihak akan terus menjaga ketenteraman negara, memperkuat lagi parti dan status quo semua pihak serta memastikan peralihan kuasa itu berjalan secara lancar.

Ketika ditemui pemberita selepas sidang media itu pula, Rafidah menolak dakwaan pihak tertentu bahawa beliau tidak boleh bekerjasama dengan Abdullah apabila Timbalan Perdana Menteri itu memegang jawatan Perdana Menteri kelak dan menegaskan bahawa beliau boleh bekerjasama dengan siapa sahaja yang mempunyai niat yang baik.

Beliau yakin Abdullah, seperti juga Dr Mahathir, mempunyai hala tuju yang sebenar.

"Sebab itu kadang kadang saya geram juga dengan mulut jahat, busuk hati, orang yang memang menentang kerajaan, saya dan Umno, saya boleh bekerja dengan sesiapa juga, Abdullah adalah Timbalan Presiden, boleh tanya dia adakah saya pernah tidak beri kerjasama kepada dia," katanya.

-- BERNAMA
AFY AHH LAT